



Received: 2021-06-08

Accepted: 2021-07-08

Published: 2021-08-31

**Original Article****Pemerkasaan Peranan *Diwan al-Sadarat* dalam Pentadbiran Mughal Era Awrangzib (1658-1707)*****Revitalization of Diwan al-Sadarat's Roles in Mughal Governance During Awrangzib's Reign (1658-1707)*****Mohamad Zulfazllee Abul Hassan Ashari<sup>a\*</sup>**<sup>a</sup>Centre of Research for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia (UKM), Malaysia.\* Corresponding author, email; [mozaha@ukm.edu.my](mailto:mozaha@ukm.edu.my)**ABSTRACT**

*Diwan al-Sadarat* is one of the important institutions which supervise the aspects of education and religion in Mughal Empire. Although the role of *Diwan al-Sadarat* have deteriorated before, but the revitalization efforts were implemented after Awrangzib ruled the Mughal Empire in 1658. Based on this statement, this article aims to examine Awrangzib's efforts to revitalize *Diwan al-Sadarat* for ensuring this institution will play the vital and significant role as a main department of the empire. This study applied a qualitative methods like historical study and content analysis to collect and analyze data base on primary and secondary sources. The findings of research show that Awrangzib succeeded in revitalizing the role of *Diwan al-Sadarat* which driven by various factors like his commitment and political will to restore the *Diwan al-Sadarat*, the involvement of Muslim scholars in supporting the ruler, and the restructuring the governance of *Diwan al-Sadarat*. In that reign, *Diwan al-Sadarat* played a significant role in enhancement of education and religion, like supervised the development of education in India, provided the grants for educational institutions, managed the religious officers appointment and *madad al-ma'ash*.

**Keywords:** Awrangzib, Indian Subcontinent, *Diwan al-Sadarat*, *Madad al-Ma'ash*, Mughal**Pendahuluan**

Kemunculan Kerajaan Mughal telah membawa India ke satu era yang baru. Terdapat pandangan yang menyatakan sejarah India moden bukan bermula daripada pendudukan British

pada abad ke-19M, bahkan sejak penubuhan Kerajaan Mughal pada tahun 1526M.<sup>1</sup> Hal ini disebabkan Kerajaan Mughal merupakan sebuah kerajaan yang paling lama memerintah di India, iaitu kira-kira lebih daripada tiga kurun. Tambahan pula, pembangunan ketika era Mughal masih kekal dan dapat dilihat pada hari ini. Misalnya, Taj Mahal yang siap dibina ketika pemerintahan Shah Jahan (1627-1658M) masih utuh dan dikategorikan sebagai antara tujuh benda ajaib di dunia.<sup>2</sup> Selain itu, Kerajaan Mughal turut mempelopori suatu bentuk kerajaan yang didukung oleh sistem pentadbiran yang efisien serta ketamadunan yang pesat, misalnya dalam bidang kesenian dan seni bina.<sup>3</sup>

Pemerintahan Awrangzib (1658-1707M) dianggap pemerintahan yang berjaya dan dominan dalam sejarah Kerajaan Mughal. Menurut Sarkar, Kerajaan Mughal menikmati zaman kegemilangan dengan wilayah ketika itu merupakan wilayah yang paling luas dalam sejarah Mughal, merangkumi dari Ghaznah ke Chatgaon dan Kashmir ke Karnatak.<sup>4</sup> Selain itu, Awrangzib turut melakukan pembaharuan melalui pemerkasaan institusi pentadbiran Mughal. Usaha berkenaan dilaksanakan didorong oleh hasrat Awrangzib sendiri yang ingin melihat kerajaannya benar-benar ditadbir menurut acuan pemerintahan Islam. Tambahan pula, penguasaan golongan ulama dalam Kerajaan Mughal setelah Awrangzib menerajui takhta turut menjadi faktor kepada usaha berkenaan.<sup>5</sup> Antara institusi pentadbiran Mughal yang mendapat perhatian oleh Awrangzib ialah *Diwan al-Sadarat*. Institusi tersebut yang pernah dipinggirkan sebelum ini telah diperkasakan oleh Awrangzib. Hal sedemikian berlaku memandangkan peranan *Diwan al-Sadarat* yang penting, khususnya dalam konteks pembangunan pendidikan umat Islam secara umum.

Bertitik tolak daripada kenyataan tersebut, maka artikel ini ditulis bertujuan untuk meneliti usaha pemerkasaan yang telah dilaksanakan oleh Awrangzib terhadap *Diwan al-Sadarat*. Usaha ini wajar diteliti memandangkan iltizam Awrangzib bagi memastikan *Diwan al-Sadarat* dapat berperanan sebaiknya selaras dengan status *Diwan al-Sadarat* sebagai jabatan kerajaan yang utama. Secara keseluruhannya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi *historical study* dan *content analysis* dalam proses pengumpulan data, khususnya terhadap sumber primer dan sekunder. Sumber primer yang digunakan ialah Musta'id Khan

---

<sup>1</sup> S. M. Ikram, *Muslim Civilization in India* (New York: Columbia University Press, 1964) h. 166.

<sup>2</sup> Tarikuddin Haji Hassan, *Pemerintahan Kerajaan Islam di Negara India (138-897H/755-1493M)* (Johor Bahru: Penerbit Jahabersa, 2012), 12.

<sup>3</sup> R. C. Majumdar, *The History and Culture of the Indian People: The Mughul Empire* (Bombay: Bharatiya Vidya Bhavan, 1974), xi.

<sup>4</sup> Jadunath Sarkar, *A Short History of Aurangzib 1618-1707* (Calcutta: M. C. Sarkar & Sons Private Ltd., 1962), 4-5.

<sup>5</sup> S. Moinul Haq, Influence of Orthodoxy at The Mughul Court (Seventeenth Century), *Journal of The Pakistan Historical Society*, XXV, No. III (1977), 151-176.

yang mengandungi naratif sejarah Mughal era Awrangzib.<sup>6</sup> Sementara itu, beberapa sumber sekunder dipilih bagi menjelaskan dapatan yang diperolehi dalam sumber primer, antaranya Sarkar, Day, Bilgrami, Chandra dan Hussain.<sup>7</sup> Dalam proses menganalisis data pula, kaedah *content analysis* melalui pendekatan kritikan dalaman dan luaran digunakan. Setelah itu, dapatan yang diperolehi akan dicerakin dan disusun berdasarkan analisis tematik.

### Kerajaan Mughal Sebelum Era Pemerintahan Awrangzib

Kerajaan Mughal diasaskan pada tahun 1526M oleh Babur sejurus beliau mengalahkan tentera Kerajaan Lodi dalam Perang Panipat dan seterusnya menguasai kota Delhi. Kejayaan tersebut telah menjadi asas kepada kemunculan dan perkembangan Kerajaan Mughal di India untuk tempoh lebih daripada 300 tahun. Dalam tempoh separuh pertama daripada lebih 300 tahun kewujudan tersebut, Kerajaan Mughal telah menikmati zaman kegemilangan, khususnya pada tahun 1556M hingga 1707M. Zaman tersebut yang dikenali sebagai *The Golden Age of Great Mughals* menyaksikan pencapaian Kerajaan Mughal dalam pelbagai bidang ketamadunan serta didorong oleh keupayaan pemerintah Mughal dalam mengekalkan kestabilan, kedudukan ekonomi dan intelektual mencapai tahap membanggakan serta kewujudan sistem pentadbiran yang teratur (Ikram, 1964). Zaman keemasan Kerajaan Mughal menyaksikan empat orang pemerintah, iaitu Akbar (1556-1605), Jahangir (1605-1627), Shah Jahan (1627-1658) dan Awrangzib (1658-1707). Namun begitu, Kerajaan Mughal dikatakan mula mengalami kemerosotan selepas kematian Awrangzib pada tahun 1707M.<sup>8</sup>

Kerajaan Mughal turut menikmati pencapaian memberangsangkan, khususnya dalam aspek senibina, ketika era pemerintahan Shah Jahan. Beliau, yang merupakan bapa kepada Awrangzib, amat meminati senibina dan memberikan dorongan yang kuat terhadap pembangunan senibina Mughal di India. Antara binaan era Mughal adalah seperti kompleks makam, istana, kubu, taman, terusan air dan masjid.<sup>9</sup> Menurut Richards, Shah Jahan telah membelanjakan wang sebanyak 25 million *rupees* untuk mendirikan binaan-binaan tersebut di beberapa tempat seperti Delhi, Agra, Lahore dan Kabul.<sup>10</sup> Di sebalik pencapaian yang memberangsangkan itu,

<sup>6</sup> Muhammad Saqi Musta'id Khan, *Maathir 'Alamgiri* (Calcutta: Asiatic Society of Bengal, 1871).

<sup>7</sup> Jadunath Sarkar, *History of Aurangzeb*, Vol. 1, (Calcutta: M.C. Sarkar & Sons, 1912); U. N. Day, *The Mughal Government A. D. 1556-1707*, (New Delhi: Munshiram Manoharlal, 1969); Rafat M. Bilgrami, *Religious and Quasi-Religious Departments of the Mughal Period (1556-1707)*(New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Pvt. Ltd., 1984); Satish Chandra, *Mughal Religious Policies, The Rajputs & The Deccan* (New Delhi: Vikas Publishing House Pvt. Ltd., 1993); Md. Sadique Hussain, "Judicial System in India During Mughal Period with Special Reference to Persian Sources", (Tesis Doktor Falsafah, Center of Persian and Central Asian Studies, School of Language, Literature and Culture Studies, Jawaharlal Nehru University, New Delhi, 2009)

<sup>8</sup> Ashirbadi Lal Srivastava, *The Mughul Empire (1526-1803 A. D.)* (Agra: Shiva Lal Agarwala & Co. Pvt. Ltd., 1957), 580.

<sup>9</sup> H. G. Keene, *A Sketch of the History of Hindustan* (Delhi: Idarah-I Adabiyat-I Delhi, 1972), 190.

<sup>10</sup> John F. Richards, *The New Cambridge History of India: The Mughal Empire* (Cambridge: Cambridge University Press, 2008), 139.

Shah Jahan terpaksa menghadapi kemelut politik yang tercetus pada penghujung pemerintahan beliau. Kemelut politik kali ini melibatkan anak-anaknya sendiri dalam perebutan takhta Kerajaan Mughal.<sup>11</sup> Persaingan ini bermula sejak September 1657M apabila kesihatan Shah Jahan semakin merosot. Hal ini menyebabkan Shah Jahan tidak lagi berupaya untuk memberikan fokus terhadap pentadbiran. Tambahan pula, beliau sendiri tidak lagi menghadiri persidangan *darbar* dan pertemuan mingguan dengan rakyat jelata.<sup>12</sup> Berikutan itu, timbul khabar angin yang mengatakan bahawa Shah Jahan telah meninggal dunia. Apabila mendengar khabar berkenaan, Shah Shuja' dan Murad telah bertindak segera mengisytiharkan diri masing-masing sebagai pemerintah Kerajaan Mughal yang baru.<sup>13</sup> Tindakan ini dilakukan sebagai usaha untuk menghalang Dara Shikuh diisytiharkan sebagai pemerintah menggantikan Shah Jahan. Hal ini disebabkan wujud ura-ura bahawa Shah Jahan telah bersetuju untuk melantik Dara Shikuh sebagai penggantinya, terutama sekali Dara Shikuh merupakan putera sulung Shah Jahan. Selain itu, keberadaan Dara Shikuh yang sentiasa mendampingi Shah Jahan berbanding anak-anak yang lain turut menguatkan lagi posisi Dara Shikuh sebagai bakal pemerintah Kerajaan Mughal. Namun demikian, takhta Kerajaan Mughal berjaya dikuasai oleh Awrangzib setelah beliau mengatur strategi menewaskan saingenan daripada adik-beradiknya itu. Akhirnya, Awrangzib menaiki takhta pada 21 Julai 1658M dan mengenakan tahanan rumah kepada Shah Jahan.<sup>14</sup>

### Pemerintahan Awrangzib (1658-1707)

Setiap pemimpin Mughal memiliki daya kepemimpinan yang tersendiri dalam menghadapi segala isu. Daya kepemimpinan ini diterjemahkan melalui usaha-usaha yang dilakukan bertujuan memperkuatkan kestabilan Kerajaan Mughal. Dalam konteks Awrangzib, beliau menghadapi pelbagai isu yang menggugat kestabilan kerajaannya, baik dalam aspek politik, ekonomi maupun sosial.<sup>15</sup> Namun demikian, sebahagian usaha yang dilaksanakan oleh Awrangzib turut menimbulkan reaksi negatif daripada sejumlah pihak. Reaksi negatif tersebut disifatkan sebagai penolakan terhadap usaha tegas dan kental Awrangzib yang dikatakan menindas pengikut agama lain.<sup>16</sup> Hakikatnya, sikap tegas dan kental ini menjadi ramuan utama Awrangzib mampu bertahan dalam menerajui Kerajaan Mughal selama 49 tahun.

Antara usaha terbesar yang cuba dilaksanakan oleh Awrangzib semasa pemerintahannya ialah mengangkat Islam sebagai teras pemerintahan Kerajaan Mughal.

<sup>11</sup> Ashirbadi Lal Srivastava, *The Mughul Empire (1526-1803 A. D.)*, 314.

<sup>12</sup> R. P. Tripathi, *Rise and Fall of the Mughal Empire* (Allahabad: Central Book Depot, 1963), 477.

<sup>13</sup> Muhammad Qamaruddin, *A Politico-Cultural Study of the Great Mughals (1526-1707)* (New Delhi: Adam Publishers & Distributors, 2004), 87.

<sup>14</sup> Ahmad Mahmud al-Sadati, *Tarikh al-Muslimin fi Sibh al-Qarat al-Hindiyyah wa Hadaratihim*, (al-Qahirah: al-Mat'baat al-Namudhjayat, 2001), 206.

<sup>15</sup> John. F. Richards, *The New Cambridge History of India: The Mughal Empire*, 114.

<sup>16</sup> J. N. Chadhuri, "Aurangzeb (1658-1680)", dalam R. C. Majumdar, *The History and Culture of the Indian People: The Mughul Empire* (Bombay: Bharatiya Vidya Bhavan, 1974), 238.

Menurut al-Hamuri, usaha Awrangzib dilihat serius memandangkan iltizam beliau dalam merancang dan melaksanakan pelbagai perkara bagi merealisasikan cita-citanya menjadikan Kerajaan Mughal sebagai *Dar al-Islam* dalam praktikal yang sebenar.<sup>17</sup> Iltizam sedemikian dikatakan tidak pernah berlaku ketika era sebelum pemerintahan Awrangzib. Usaha ini telah menyebabkan Awrangzib sering ditohmah sebagai pemimpin yang ekstrem dan tidak toleran terhadap masyarakat bukan Muslim. Misalnya, arahan merobohkan kuil dan penguatkuasaan semula cukai *jizyah* disifatkan sebagai suatu bentuk tekanan terhadap golongan bukan Muslim dan dikaitkan dengan gagasan negara Islam yang diimpikan oleh Awrangzib.<sup>18</sup>

Namun begitu, usaha menjadikan Islam sebagai teras pemerintahan Kerajaan Mughal telah berlaku lebih awal sewaktu Shah Jahan menaiki takhta pada tahun 1627. Beliau giat melakukan usaha tersebut secara agresif antaranya memperkenalkan peraturan bagi melindungi akidah umat Islam dengan mengenakan hukuman kepada mana-mana Muslim yang memeluk agama lain. Shah Jahan turut mewujudkan jawatan pegawai yang bertanggungjawab dalam menyelia urusan berkaitan penganutan agama Islam. Bahkan, Shah Jahan telah memperkenalkan semula cukai ke atas masyarakat Hindu yang ingin menunaikan ziarah ke tempat suci mereka.<sup>19</sup> Selain itu, usaha mengangkat Islam dalam pentadbiran semasa era Shah Jahan turut bertujuan untuk menonjolkan autoriti aliran Sunni di India, khususnya terhadap Kerajaan Bijapur dan Golkonda yang memberikan ketaatan kepada Kerajaan Safawiyyah di Iran.<sup>20</sup>

Bagaimanapun, usaha tersebut hanya mampu bertahan pada tempoh 10 tahun pertama pemerintahan Shah Jahan sahaja. Menurut Farooqui, polisi berkenaan mula berubah selepas itu dengan menghidupkan kembali polisi era Akbar.<sup>21</sup> Usaha memartabatkan Islam ini dilihat gagal disebabkan peranan Dara Shikuh dalam mempengaruhi corak politik Kerajaan Mughal ketika itu. Dara Shikuh merupakan abang kepada Awrangzib telah menjadi pesaing utama Awrangzib dalam hal ehwal politik Kerajaan Mughal ketika era pemerintahan Shah Jahan. Menurut Bernier, Dara Shikuh seorang yang berkebolehan dan berkualiti dalam kepimpinan.<sup>22</sup> Kedudukan beliau sebagai putera sulung kepada Shah Jahan serta hubungan rapat dengan bapanya itu telah meletakkan Dara Shikuh sebagai calon pilihan untuk menggantikan Shah Jahan dan mengenepikan adik-beradiknya yang lain. Beliau digambarkan mempunyai sifat berbudi bahasa dan sopan santun sebelum terpengaruh dengan fahaman liberal seperti mana yang dianjurkan

<sup>17</sup> Khalid 'Abd Allah Hammad al-Hamuri, "al-Imbratur al-Mughuli Abu al-Muzaffar Muhammad Muhyi al-Din (Awrangzib) wa Siyasatuhu al-Islahiyyah (1659-1707)" (Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera, Universiti Yarmouk, 2000), 33-37.

<sup>18</sup> Jadunath Sarkar, *A Short History of Aurangzib 1618-1707* (Calcutta: M. C. Sarkar & Sons Private Ltd., 1962), 147-148; S. M. Jaffar, *Some Cultural Aspects of Muslim Rule in India* (Delhi: Idarah-I Adabiyat-I, 1972), 67.

<sup>19</sup> Salma Ahmed Farooqui, *Islam and The Mughal State* (New Delhi: Sundeep Prakashan, 2005), 54.

<sup>20</sup> Ishtiaq Husain Qureshi, *The Muslim Community of The Indo-Pakistan Subcontinent (610-1947)* (Delhi: Renaissance Publishing House, 1998), 178.

<sup>21</sup> Salma Ahmed Farooqui, *Islam and The Mughal State*, 55.

<sup>22</sup> Francois Bernier, *Travels in The Mogul Empire Ad 1656-1668*, Terj. Archibald Constable (Delhi: Low Price Publications, 1989), 25.

oleh Akbar. Walaupun beliau dilahirkan sebagai seorang yang bermazhab Sunni, namun pendirian agamanya semakin berubah setelah meningkat dewasa. Bahkan, hal sedemikian turut mengubah karakternya menjadi seorang pemarah dan menghina seseorang sekiranya orang tersebut menegur beliau tentang fahaman liberalnya itu. Perkara berkenaan tidak menghairankan apabila Dara Shikuh ketika usia mudanya menerima pendidikan tentang pelbagai agama, seperti Talmud, *The New Testament*, karya-karya sufi Islam dan kitab Hindu Vedanta. Berikut itu, beliau dilihat terpengaruh kepada aliran sufi dan cuba mencari titik persamaan antara pelbagai agama sekaligus menjadikan nilai-nilai dalam agama berkenaan sebagai falsafah hidup.<sup>23</sup> Justeru, pendirian Dara Shikuh ini disifatkan sebagai usaha untuk mengulangi semula apa yang telah dimulakan oleh Akbar menerusi ajaran *Din-i-llahi*. Keadaan sedemikian turut menjadi antara sebab mengapa Awrangzib memerang Dara Shikuh kerana beliau beranggapan abangnya itu telah terkeluar daripada agama Islam dan tidak berhak untuk menjadi pemerintah Mughal.

Hal ini diperkuatkan lagi dengan kecenderungan Dara Shikuh sendiri yang disifatkan sebagai seorang tokoh yang liberal dan cuba menghidupkan semula gagasan Akbar sekiranya beliau menggantikan Shah Jahan kelak.<sup>24</sup> Berikut itu, golongan ulama telah menaruh harapan kepada Awrangzib untuk menyaingi pengaruh Dara Shikuh disebabkan daya kepemimpinan yang ada pada Awrangzib. Tambahan pula, Awrangzib yang menerima pengaruh Shaykh Ahmad Sirhindi menyemarakkan lagi persaingan antara kedua-dua pihak sekaligus memperlihatkan pertembungan dua gagasan, iaitu antara gagasan liberal Akbar dengan gagasan Islami dukungan ulama.<sup>25</sup> Sejarah Mughal menyaksikan bagaimana Awrangzib memenangi persaingan ini dan memberi ruang kepada beliau untuk menterjemahkan aspirasi golongan ulama dalam menjadikan Islam sebagai teras pemerintahannya.

Selain daripada kehendak golongan ulama, Awrangzib melihat usaha memartabatkan Islam dalam pemerintahan Mughal merupakan antara langkah yang wajar dalam memperkuuhkan kerajaan ketika itu. Sepertimana era Shah Jahan, Awrangzib terpaksa menghadapi cabaran yang sama, antaranya golongan Rajput, Maratha dan kerajaan Shi'ah di wilayah Deccan, iaitu Bijapur dan Golkonda.<sup>26</sup> Justeru, pengkaji melihat penonjolan Islam dalam pemerintahan Mughal disifatkan sebagai usaha Awrangzib untuk menunjukkan autoriti Mughal di India. Tambahan pula, usaha berkenaan bukan satu perkara baru dalam pemerintahan Kerajaan Mughal malah telah dirancang dan dilaksanakan lebih awal, khususnya ketika era pemerintahan Shah Jahan. Bagaimanapun, usaha Shah Jahan menemui kegagalan manakala Awrangzib pula berusaha untuk merealisasikan cita-cita yang terbantut itu. Bahkan, usaha berkenaan terus diperhebatkan oleh Awrangzib apabila beliau melihat realiti semasa ketika itu menuntut kepada suatu perubahan drastik bagi memastikan Kerajaan Mughal terus stabil dan mampu menghadapi cabaran mendatang. Justeru, pengkaji melihat wujud beberapa justifikasi yang mempengaruhi usaha Awrangzib untuk mengangkat Islam sebagai teras pemerintahan

<sup>23</sup> Jadunath Sarkar, *A Short History of Aurangzib 1618-1707*, 43.

<sup>24</sup> Freeland Abbott, *Islam in India Before Shah Waliullah*, dalam Mohamad Tahir, *Muslim Political Thought in India*, (New Delhi: Anmol Publications Pvt. Ltd., 1998), 46.

<sup>25</sup> Ishtiaq Husain Qureshi, *The Muslim Community of The Indo-Pakistan Subcontinent (610-1947)*, 160.

<sup>26</sup> Francis Robinson, *The Mughal Emperors and The Islamic Dynasties of India, Iran and Central Asia* (London: Thames & Hudson Ltd., 2007), 163.

Mughal. Antara justifikasi tersebut ialah kecelaruan sosio-politik Mughal, usaha Dara Shikuh untuk menghidupkan kembali gagasan Akbar sekiranya memerintah, kebangkitan semula golongan ulama dalam Kerajaan Mughal dan kecenderungan Awrangzib sendiri terhadap aliran Islam. Disebabkan itu, Awrangzib dilihat serius dalam melakukan beberapa perubahan dalam pemerintahannya, termasuk pemerkasaan institusi pentadbiran.

### ***Diwan al-Sadarat***

Penglibatan aktif golongan ulama dalam pentadbiran Kerajaan Mughal ketika era Awrangzib telah menyebabkan beberapa institusi pentadbiran, khususnya berkaitan pembangunan Islam, mengalami perkembangan memberangsangkan.<sup>27</sup> Antara institusi pentadbiran yang mengalami proses tersebut adalah *Diwan al-Sadarat*, sebuah jabatan yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal agama Islam.<sup>28</sup> Institusi ini dipimpin seorang ketua, dikenali sebagai *sadr al-sudur* yang berperanan dalam memimpin golongan ulama kerajaan sekaligus menjadi jurucakap ulama kepada pemerintah Mughal, terutama sekali apabila menyentuh isu-isu yang berkaitan agama Islam.<sup>29</sup> Kenyataan ini selaras dengan pandangan Day yang menyatakan kewujudan *Diwan al-Sadarat* bertujuan membantu maharaja Mughal menjalankan fungsi-fungsi syarak dalam pentadbiran.<sup>30</sup>

Meskipun kedudukan *Diwan al-Sadarat* dianggap penting dalam pentadbiran Mughal, namun institusi ini pernah mengalami zaman suram ketika era pemerintahan Akbar. Hal sedemikian didorong oleh polisi Akbar sendiri yang dilihat cuba untuk mengurangkan pengaruh golongan ulama, antaranya dengan melibatkan beberapa agamawan daripada kepercayaan lain dalam perbincangan di *Ibadat Khanna*. Kemunculan gagasan *Din-i-Illahi* selepas itu telah menjadikan kepentingan *Diwan al-Sadarat* semakin menguncup.<sup>31</sup> Namun begitu, kepentingan *Diwan al-Sadarat* telah dipulihkan semula lalu berkembang semasa pemerintahan Awrangzib. Malah, penglibatan ulama ketika itu jelas kelihatan melalui pelantikan golongan tersebut bagi mengepalai *Diwan al-Sadarat* di peringkat pusat, antaranya:<sup>32</sup>

1. Sayyid Hidayatullah (1658-1660)

---

<sup>27</sup> John F. Richards, *The New Cambridge History of India: The Mughal Empire*, 174.

<sup>28</sup> M. L. Roy Choudhury, *The State & Religion in Mughal India* (Calcutta: Indian Publicity Society, 1951), 157.

<sup>29</sup> Ishtiaq Hussein Qureshi, *India Under The Mughals*, dalam P. M. Holt, Ann K. S. Lambton & Bernand Lewis, *The Cambridge History of Islam*, (Cambridge: Cambridge University Press, 1984), 2A: 55; H. K. Naqvi, *History of Mughal Government and Administration* (Delhi: Kanishka Publishing House, 1990), 207.

<sup>30</sup> U. N. Day, *The Mughal Government A. D. 1556-1707*, 51.

<sup>31</sup> M. L. Roy Choudhury, *The State & Religion in Mughal India*, 162-163.

<sup>32</sup> Zahiruddin Faruki, *Aurangzeb & His Times* (Delhi: Idarah-I Adabiyyat-I Delli, 1972), 433-434.

2. Shaykh Mirak (1660-1661)
3. Qalich Khan (1661-1667)
4. Razvi Khan (1667-1681)
5. Sharif Khan (1681-1682)
6. Fadhil Khan II (1682-1698)
7. Qadi 'Abdullah (1698)
8. Muhammad Amin Khan II (1698-1707).

### Pemerksaan Peranan *Diwan al-Sadarat*

Ketika era Awrangzib, *Diwan al-Sadarat* berperanan mengawasi dan menyelia pembangunan sektor pendidikan di India.<sup>33</sup> Memandangkan India ketika era Mughal dikenali sebagai *cultural state*, maka sektor pendidikan telah dititikberatkan oleh pemerintah Mughal melalui pengawasan *Diwan al-Sadarat*. Institusi ini menyediakan geran yang besar dalam membangunkan institut-institut pendidikan merentas disiplin. Selain itu, *Diwan al-Sadarat* turut bertanggungjawab dalam menyediakan tenaga pengajar berkebolehan dan berkelayakan. Bahkan melalui *diwan* ini, ulama dan pelajar harapan turut dikurniakan ganjaran dalam bentuk wang dan tanah setelah nama-nama yang berkaitan disyorkan oleh *Sadr al-Sudur* kepada maharaja Mughal.<sup>34</sup> Dalam hal ini, Awrangzib telah menyediakan peruntukan geran yang besar melalui *Diwan al-Sadarat* untuk sektor pendidikan di seluruh negara. Misalnya, Awrangzib telah memperuntukkan geran untuk pembangunan institut pendidikan di Lahore, yang dikenali sebagai *Farangi Mahal*. Selain itu, peruntukan turut disediakan dalam membentuk dan merangka kurikulum ilmu-ilmu Islam yang dikenali sebagai *Dars-i-Nizamiya*.<sup>35</sup> Tindakan Awrangzib ini secara tidak langsung telah membantu sektor pendidikan di India terus berkembang sekaligus mampu melahirkan ramai ilmuan, termasuk dari kawasan luar bandar. Situasi sedemikian turut membuktikan kesungguhan Awrangzib untuk memperkuatkan kerajaannya sebagai sebuah *Dar al-Islam* melalui pembentukan generasi terpelajar yang menguasai pelbagai disiplin ilmu, khususnya ilmu agama. Usaha Awrangzib ini telah meletakkan dirinya sebagai pemimpin yang futuristik dengan mementingkan pendidikan sebagai acuan membangunkan masyarakat, khususnya generasi mendatang. Selain itu, *Diwan al-Sadarat* turut bertanggungjawab dalam pelantikan pegawai-pegawai agama seperti *qadi*, imam, khatib, *muhtasib* dan guru.<sup>36</sup> Peranan ini selaras dengan kedudukan *Diwan al-Sadarat* sebagai jabatan yang paling kanan dalam menguruskan hal ehwal agama di India.

---

<sup>33</sup> U. N. Day, *The Mughal Government A. D. 1556-1707*, 52.

<sup>34</sup> Aniruddha Ray, *Some Aspects of Mughal Administration*, (New Delhi: Kalyani Publishers, 1984), 93.

<sup>35</sup> S. M. Ikram, *Muslim Civilization in India*, 204-205.

<sup>36</sup> Rafat M. Bilgrami, *Religious and Quasi-Religious Departments of the Mughal Period (1556-1707)* (New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Pvt. Ltd., 1984), 6.

### Kurniaan *Madad al-Ma'ash*

Ketika era Awrangzib, peranan utama *Diwan al-Sadarat* diperkasakan lagi dengan fungsi mengurus dan mengagihkan sumbangan kebajikan berbentuk wang atau kurniaan tanah, yang dikenali sebagai *madad al-ma'ash*, kepada golongan ulama dan fakir miskin. Malah, pemberian *madad al-ma'ash* difokuskan kepada empat golongan bagi memenuhi tujuan dan sasarannya.<sup>37</sup> Empat kategori golongan tersebut dapat dibahagikan seperti berikut:

1. Individu yang meninggalkan kerjaya dan berusaha mencari pengetahuan sebenar sebagai tujuan hidup.
2. Golongan fakir miskin yang tiada kesempatan mencari ilmu.
3. Ulama dan pendeta yang mengamalkan cara hidup zuhud
4. Seseorang yang berkeinginan mencari ilmu namun tidak berkemampuan.

Bagi memastikan *madad al-ma'ash* dikurniakan kepada golongan yang berhak, Awrangzib telah mengambil inisiatif dengan menemuduga sendiri calon-calon yang dikemukakan oleh pihak *Sadr al-Sudur*. Proses temuduga berkenaan dijalankan secara terbuka di hadapan para pembesar sewaktu persidangan *darbar* bertujuan untuk menguji kelayakan dan penguasaan ilmu calon-calon *madad al-ma'ash*. Nama-nama calon yang berjaya akan ditulis di dalam sebuah buku daftar yang dikenali sebagai *Waqia Navis*. Setelah itu, surat arahan kurniaan *madad al-ma'ash* dihantar kepada *Diwan al-Sadarat* untuk tindakan selanjutnya.<sup>38</sup> Penglibatan Awrangzib secara langsung dalam proses kurniaan *madad al-ma'ash* membuktikan keprihatinan beliau dalam perkara tersebut. Secara tersuratnya boleh dikatakan Awrangzib ingin melihat kurniaan *madad al-ma'ash* benar-benar diberikan kepada mereka yang layak. Jika ditinjau daripada sudut berbeza, tindakan Awrangzib dilihat bermotifkan politik dengan cuba mengekalkan sokongan politik dalam kalangan ulama menerusi kurniaan *madad al-ma'ash*. Kurniaan tersebut dikatakan sebagai usaha Awrangzib memperkuuhkan survival politik beliau walaupun kurniaan berkenaan dilihat membataskan keupayaan sebenar umat Islam.<sup>39</sup> Ringkasnya, *madad al-ma'ash* dilihat sebagai senjata politik pemerintah Mughal untuk meraih sokongan politik dalam kalangan penerima tanpa memikirkan sama ada kurniaan tersebut mampu meningkatkan taraf ekonomi penerima atau sebaliknya.

Walaupun tidak menolak hubungan *madad al-ma'ash* dengan isu politik Mughal memandangkan kurniaan tersebut diberikan sendiri oleh pemerintah, namun pengkaji beranggapan pandangan yang menyatakan tindakan Awrangzib mengurniakan *madad al-ma'ash* bermotifkan politik semata-mata merupakan pandangan yang kurang cermat. Dukungan para

<sup>37</sup> A. B. Pandey, *Later Medieval India A History of The Mughals* (Allahabad: Central Book Depot, 1963), 383.

<sup>38</sup> U. N. Day, *The Mughal Government A.D. 1556-1707*, 55.

<sup>39</sup> Sheikh Abdur Rashid, Madad-i-Ma'ash Grants Under The Mughuls, *Journal of The Pakistan Historical Society*, IX, No. II, (1961), 98-108.

ulama terhadap Awrangzib bukan disebabkan kurniaan *madad al-ma'ash* tetapi didorong oleh iltizam dan kecenderungan Awrangzib sendiri yang mahu memartabatkan Islam dalam pemerintahan Mughal. Tambahan pula, amalan *madad al-ma'ash* telah dipraktikkan lebih awal lagi, iaitu ketika era pemerintahan Akbar. Tujuan utama *madad al-ma'ash* adalah untuk membantu golongan ahli ilmuan yang tidak berkemampuan dalam soal kewangan dan sara hidup kerana sibuk dalam mencari ilmu pengetahuan. Justeru, kurniaan *madad al-ma'ash* seharusnya disifatkan sebagai suatu tanggungjawab Kerajaan Mughal dalam menjaga kebijakan golongan ulama agar mereka sentiasa fokus dalam pencarian ilmu pengetahuan tanpa perlu disibukkan dengan urusan-urusan lain. Malah, prosedur kurniaan *madad al-ma'ash* yang ditambah baik melalui penglibatan Awrangzib secara langsung membuktikan keazaman beliau dalam memastikan kurniaan berkenaan benar-benar menepati tujuan. Justeru, pengkaji mendapat isu kebijakan merupakan perkara utama dalam soal *madad al-ma'ash* ini.

Grover turut menegaskan bahawa tujuan *madad al-ma'ash* adalah untuk memelihara kebijakan, khususnya golongan ulama dan pakar bidang yang telah bersara misalnya pesara guru, doktor dan birokrat.<sup>40</sup> Bahkan, Awrangzib turut mengurniakan *madad al-ma'ash* berbentuk gaji harian dan tanah kepada pemuzik dan penyanyi istana. Kurniaan ini diberi sebagai bantuan kebijakan kepada golongan seniman yang terlibat setelah Awrangzib menguatkuasakan larangan kegiatan muzik di dalam istana.<sup>41</sup> Justeru, tindakan Awrangzib ini menjelaskan lagi tujuan *madad al-ma'ash* bukan hanya untuk menjaga kebijakan golongan ulama sahaja, bahkan turut diperluaskan kepada mana-mana golongan yang meninggalkan perkara dunia dan beralih arah kepada amalan kehidupan beragama.

#### Kurniaan *Madad al-Ma'ash* Kepada Golongan Bukan Muslim

Menurut Bilgrami, Awrangzib meneruskan polisi pemerintah sebelumnya dengan mengekalkan pemberian *madad al-ma'ash* kepada golongan bukan Muslim.<sup>42</sup> Hal sedemikian turut ditegaskan oleh Ray yang berpendapat adalah tidak tepat sama sekali mengatakan bahawa Awrangzib hanya mengurniakan *madad al-ma'ash* kepada umat Islam dengan alasan kecenderungan sikap Awrangzib terhadap Islam fundamental.<sup>43</sup> *Madad al-ma'ash* ketika era Awrangzib turut diberikan kepada golongan bukan Muslim yang memerlukan kepada bantuan kebijakan, termasuk badan-badan kebijakan, kuil-kuil Hindu, paderi, rahib, pendeta dan para

---

<sup>40</sup> B. R. Grover, Nature of Land-Rights in Mughal India, *The Indian Economic and Social History Review*, I, No. 1 (1963), 1-23.

<sup>41</sup> Muhammad Saqi Musta'id Khan, *Maathir 'Alamgiri*, 313.

<sup>42</sup> Rafat M. Bilgrami, *Religious and Quasi-Religious Departments of the Mughal Period (1556-1707)*, 62-63.

<sup>43</sup> Aniruddha Ray, *Some Aspects of Mughal Administration*, 100.

sarjana bukan Muslim.<sup>44</sup> Menurut Chandra, sikap Awrangzib terhadap bukan Muslim, terutama dalam isu perobohan kuil-kuil Hindu, sering kali dibincangkan dan menjadi kontroversi. Walhal, kurniaan *madad al-ma'ash* kepada golongan bukan Muslim oleh Awrangzib, termasuk kepada kuil-kuil Hindu, terlalu sedikit dibahaskan sehingga perkara ini tidak diketahui oleh ramai pihak.<sup>45</sup>

Terdapat beberapa contoh kurniaan *madad al-ma'ash* ketika era Awrangzib, misalnya Ganesh Bharati dan beberapa kelompok orang miskin yang tinggal berhampiran dengan Ganesh Bharati dikurniakan tanah di Kharanitya, dalam wilayah Jodhpur, untuk kediaman masing-masing dan tiada siapa dibenarkan menganggu kurniaan tersebut. Selain itu, Awrangzib turut dilaporkan telah mengurniakan tanah di Beni Madho Ghat, Benaras kepada Ramjiwan Gosa dan boleh diwarisi oleh pewarisnya yang berhak.<sup>46</sup> Sementelahan, Awrangzib turut mengurniakan *madad al-ma'ash* berbentuk tanah kepada golongan Hindu Brahman di perkampungan Malgaon untuk tujuan kebajikan.<sup>47</sup> Berdasarkan kepada beberapa contoh di atas, jelas membuktikan Awrangzib tidak memusuhi golongan bukan Muslim secara membuta tuli. Kebanyakan hujah segelintir sarjana menjurus kepada sikap Awrangzib terhadap bukan Muslim seolah-olah Awrangzib sentiasa menggunakan pendekatan keras dan memusuhi golongan berkenaan.<sup>48</sup> Seperti mana yang diutarakan oleh Farooqui, sekurang-kurangnya kurniaan *madad al-ma'ash* oleh Awrangzib kepada golongan bukan Muslim dapat menjelaskan segala kekaburan pembaca sejarah tentang sikap beliau terhadap golongan bukan Muslim.<sup>49</sup> Perkara sama turut dihujahkan oleh Chandra.<sup>50</sup> Beliau telah membentangkan beberapa data bertulis tentang kurniaan Awrangzib kepada kuil-kuil Hindu dan menyimpulkan bahawa hujah yang dikemukakan itu sekurang-kurangnya dapat membuka mata para sejarawan yang bersikap anti-Awrangzib sekaligus membetulkan persepsi umum terhadap Awrangzib. Secara tidak langsung, hal ini

---

<sup>44</sup> Jnan Chandra, Aurangzib and Hindu Temples, *Journal of The Pakistan Historical Society*, V, No. I (1957), 247-254; Sheikh Abdur Rashid, Madad-i-Ma'ash Grants Under The Mughuls, *Journal of The Pakistan Historical Society*, IX, No. II, 98-108.

<sup>45</sup> Satish Chandra, *Mughal Religious Policies, The Rajputs & The Deccan* (New Delhi: Vikas Publishing House Pvt. Ltd. 1993), 190.

<sup>46</sup> Rafat M. Bilgrami, *Religious and Quasi-Religious Departments of the Mughal Period (1556-1707)*, 63.

<sup>47</sup> Tanah tersebut dikurniakan kepada Rangabhatta, anak kepada Nekbhatta, seorang Hindu Brahman di Malgaon. Kalimah *khayrat* digunakan dalam *parwanah*, surat kurniaan tersebut, membuktikan bahawa Awrangzib tidak sahaja mengurniakan *madad al-ma'ash* untuk penganut Islam sahaja. Lihat Jnan Chandra, "Alamgir's Grant To A Brahmin", *Journal of The Pakistan Historical Society*, VII, No. II (1959), 99-100.

<sup>48</sup> Azharudin Mohamed Dali, *Tamadun India* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 242.

<sup>49</sup> Salma Ahmed Farooqui, *Islam and The Mughal State*, 67.

<sup>50</sup> Jnan Chandra, 'Alamgir's Grants To Hindu Pujaris, *Journal of The Pakistan Historical Society*, VI, No. I (1958), 55-65.

menggambarkan bahawa Awrangzib bukan seorang pemimpin yang ekstrem hingga tidak menghormati penganut agama lain.

### Kesimpulan

*Diwan al-Sadarat* melalui fasa pemerksaan peranan semasa era pemerintahan Awrangzib (1658-1707). Fasa tersebut didorong oleh iltizam Awrangzib untuk menerapkan Islam sebagai teras pemerintahan Mughal dan sokongan para ulama terhadap beliau. Justeru, usaha pemerksaan terhadap beberapa institusi pentadbiran Mughal yang memiliki peranan penting dalam pembangunan umat Islam menjadi keutamaan setelah beliau menaiki takhta. Disebabkan itu, *Diwan al-Sadarat* mengalami transformasi pengurusan setelah fungsinya dipinggirkan, khususnya ketika era Akbar. Melalui pemerksaan tersebut, *Diwan al-Sadarat* telah dapat memainkan peranan dalam membangunkan sektor pendidikan dan kebajikan umat Islam. Penglibatan ulama dalam *Diwan al-Sadarat* telah mencorakkan hala tuju institusi berkenaan dalam memelihara kedudukan golongan ulama sekaligus memastikan sektor pendidikan, seperti guru dan institusi pendidikan sentiasa mendapat perhatian sewajarnya daripada Kerajaan Mughal. Malah, pemerksaan peranan *Diwan al-Sadarat* ketika era Awrangzib dapat dilihat pada kurniaan *madad al-ma'ash* sebagai bantuan kebajikan kepada golongan yang berjuang dalam pencarian ilmu dan berhasrat memulakan kehidupan beragama. Apa yang menarik untuk diutarakan di sini ialah tindakan Awrangzib mengurniakan *madad al-ma'ash* kepada golongan bukan Muslim, seperti pendeta dan kuil-kuil Hindu, sewajarnya menjadi jawapan tuntas kepada kritikan beberapa pengkaji yang menyifatkan Awrangzib sebagai fanatic dan anti kepada bukan Muslim. Tindakan Awrangzib ini secara tidak langsung membuktikan bahawa beliau bukan anti kepada mana-mana penganut bukan Islam seperti yang didakwa oleh sebilangan pihak. Bahkan, peranan *Diwan al-Sadarat* ketika itu merupakan usaha Awrangzib bagi membuktikan Kerajaan Mughal di bawah pimpinannya itu bertindak menurut neraca keadilan untuk seluruh rakyat.

### Rujukan

- Abbott, Freeland. "Islam in India Before Shah Waliullah". Dlm. Tahir, Mohamed. *Muslim Political Thought in India*. New Delhi: Anmol Publications Pvt. Ltd., 1998.
- Azharudin Mohamed Dali. *Tamadun India*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Bernier, Francois. *Travels in The Mogul Empire AD 1656-1668*, Terj. A. Constable. Delhi: Low Price Publications, 1989.
- Bilgrami, Rafat. M. *Religious and Quasi-Religious Departments of The Mughal Period (1556-1707)*. New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Pvt. Ltd., 1984.
- Chadhuri, J. N. "Aurangzeb (1658-1680)". Dlm. Majumdar, R. C. *The History and Culture of The Indian People: The Mughul Empire*. Bombay: Bharatiya Vidya Bhavan, 1974.
- Chandra, Jnan. Aurangzib and Hindu Temples. *Journal of The Pakistan Historical Society*, V (I): 247-254 (1957).
- Chandra, Jnan. Alamgir's Grants To Hindu Pujaris. *Journal of The Pakistan Historical Society*, VI (I): 55-65 (1958).
- Chandra, Jnan. Alamgir's Grant To A Brahmin. *Journal of The Pakistan Historical Society*, VII (II): 99-100 (1959).
- Chandra, Satish. *Mughal Religious Policies, The Rajputs & The Deccan*. New Delhi: Vikas Publishing House Pvt. Ltd., 1993.

- Choudhury, M. L. Roy. *The State & Religion in Mughal India*. Calcutta: Indian Publicity Society, 1951.
- Day, U. N. *The Mughal Government A. D. 1556-1707*. New Delhi: Munshiram Manoharlal, 1969.
- Farooqui, Salma Ahmed. *Islam and the Mughal State*. New Delhi: Sundeep Prakashan, 2005.
- Faruki, Zahiruddin. *Aurangzeb & His Times*. Delhi: Idarah-I Adabiyat-I, 1972.
- Grover, B. R. Nature of Land-Rights in Mughal India. *The Indian Economic and Social History Review*, I (1): 1-23 (1963).
- al-Hamuri, Khalid 'Abd Allah Hammad. Al-Imbratur al-Mughuli Abu al-Muzaffar Muhammad Muhyi al-Din Awrangzib wa Siyasatuhu al-Islahiyyah (1659-1707). Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera, University of Yarmouk, 2000.
- Haq, S. Moinul. Influence of Orthodoxy at The Mughul Court (Seventeenth Century). *Journal of The Pakistan Historical Society*, XXV (III), 151-176 (1977).
- Hussain, M. S. Judicial System in India During Mughal Period with Special Reference to Persian Sources. Tesis Doktor Falsafah, Centre of Persian and Central Asian Studies, School of Language, Literature and Culture Studies, Jawaharlal Nehru University, 2009.
- Ikram, S. M. *Muslim Civilization in India*. New York: Columbia University Press, 1964.
- Jaffar, S. M. *Some Cultural Aspects of Muslim Rule in India*. Delhi: Idarah-I Adabiyat-I, 1972.
- Keene, H. G. *A Sketch of History of Hindustan: From the First Muslim Conquest to the Fall of the Mughol Empire*. Delhi: Idarah-I Adabiyat-I Delhi, 1972.
- Majumdar, R. C. *The History and Culture of The Indian People: The Mughul Empire*. Bombay: Bharatiya Vidya Bahavan, 1974.
- Musta'id Khan, Muhammad Saqi. *Maathir 'Alamgiri*. Calcutta: Asiatic Society Bengal, 1871.
- Naqvi, H. K. *History of Mughal Government and Administration*. Delhi: Kanishka Publishing House, 1990.
- Pandey, A. B. *Later Medieval India: A History of The Mughals*. Allahabad: Central Book Depot, 1963.
- Qamaruddin, M. *A Politico-Cultural Study of the Great Mughuls (1526-1707)*. New Delhi: Adam Publishers & Distributors, 2004.
- Qureshi, Ishtiaq Hussein. "India Under The Mughals". Dlm. Holt, P. M., Lambton, A. K. S., & Lewis, B. *The Cambridge History of Islam*. Cambridge: Cambridge University Press, 1984.
- Qureshi, Ishtiaq Hussein. *The Muslim Community of The Indo-Pakistan Subcontinent (610-1947)*. Delhi: Renaissance Publishing House, 1998.
- Rashid, Sheikh Abdur. Madad-i-Ma'ash Grants Under The Mughuls. *Journal of The Pakistan Historical Society*, IX (II), 98-108 (1961).
- Ray, Aniruddha. *Some Aspects of Mughal Administration*. New Delhi: Kalyani Publishers, 1984.
- Robinson, Francis. *The Mughal Emperors and The Islamic Dynasties of India, Iran and Central Asia*. London: Thames & Hudson Ltd, 2007.

- Richards, John. F. *The New Cambridge History of India: The Mughal Empire*. Cambridge: Cambridge University Press, 2008.
- al-Sadati, Ahmad Mahmud. *Tarikh al-Muslimin fi Sibh al-Qarat al-Hind wa Bakistaniyyah wa hadaratihim*. al-Qahirah: Dar Nahdat al-Sharq, 2001.
- Sarkar, Jadunath. *History of Aurangzeb*, Jil. 1. Calcutta: M.C. Sarkar & Sons, 1912.
- Sarkar, Jadunath. *A Short History of Aurangzib 1618-1707*. Calcutta: M. C. Sarkar & Sons Private Ltd., 1962.
- Srivastava, Ashirbadi Lal. *The Mughul Empire (1526-1803 A. D.)*. Agra: Shiva Lal Agarwala & Co. Pvt. Ltd., 1957.
- Tarikuddin Hassan. *Pemerintahan Kerajaan Islam di Negara India (138-897H/755-1493M)*. Johor Bahru: Penerbit Jahabersa, 2012.
- Tripathi, R. P. *Rise and Fall of The Mughal Empire*. Allahabad: Central Book Depot, 1963.